PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| Newspaper | Berita Harian |
|---|---|
| Date | 24 July 2015 |



**Warga Pejabat Perdana Menteri meraikan sambutan ulang tahun kelahiran Najib** di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

BH-24/7/2015

# Najib terima kejutan dua kek hari jadi ke-62

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam menerima kejutan dua kek hari jadi daripada kaMtangannya bersempena ulang tahun kelahirannya yang ke-62.

Perdana Menteri ycing dilahirkan di Kuala Lipis, Pahang pada 23 Julai 1953 ceria dengan sambutan yang diberikan dan sempat merakamkan gambar sebelum dimuat naik ke akaun Facebook dan Twitter beliau.

**Ucapan selamat hari lahir**

Sempena ulang tahun kelahiran Najib, ahli politik serta orang ramai turut mengambil peluang mengucapkan selamat hari lahir kepada Perdana Menteri menerusi media sosial.

Rata-ratanya memberikan ucapan dan kata-kata semangat kepada Perdana Menteri supaya tabah dan bersabar menghadapi pelbagai dugaan sepcinjang memegang amanah menjadi ketua kerajaan.

Antara ahli politik yang menyampaikan ucapan ialah Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Naib Ketua Puteri UMNO, Zahida Zarik Khan; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching.